

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG)
Sent: Wednesday, July 25, 2018 3:00 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah
Subject: LAWATAN DELEGASI UNIVERSITAS PROF. DR. MOESTOPO KE UUM



Ghazali Shafie
Graduate School
of Government

Universiti Utara Malaysia

Serving the Global Community

25 JULAI 2018 /12 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلامة على كل من رزق الله تعالى



GSGSG Online: 24 Julai 2018, satu delegasi dari Universitas Prof. Dr. Moestopo (UPM) yang diketuai oleh Rektor UPM iaitu Prof. Rudy Harjanto telah mengadakan satu kunjungan hormat dan perbincangan dengan UUM.

Delegasi yang di bawa bertujuan untuk membincangkan perkara berkaitan kerjasama dua hala antara UPM dan UUM. Perbincangan yang dipengerusikan oleh Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government Prof Dr Mohd Kamarulnizam Abdullah tersebut mendapat respon yang cukup positif dari kedua-dua belah pihak . Turut hadir adalah Timbalan Dekan GSGSG Dr. Badariah binti Haji Din, Timbalan Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business Prof. Dr. Shahizan Hassan, Timbalan Pengarah Pusat Hal Ehwal

Kerjasama Antarabangsa(CIAC) Prof. Madya Dr. Siti Zabedah Hj Saidin, Penolong Pendaftar Kanan GSGSG Mohd Sukri B Othman dan Penolong Pendaftar Kanan CIAC Mohd Khairy Mukhtaruddin. Delegasi UPM terdiri dari Dr. Hermanto (Board of Foundation), Prof. Thomas Suyatno (Board of Foundation), Drg. Johanes Tumilisar (Board of Foundation), Dr. Andriansyah (Vice Rector for Academic Affairs), Dr. Sumarhadi (Vice Rector for Finance and Administration Affairs), Ambar Pertiwi (Head of Collaboration and Development Bureau) dan Yudhit Gede (Protocol).

Pada sebelah pagi, delegasi daripada UPM terlebih dahulu di sambut di Anjung Tamu UUM untuk diberi penerangan tentang penubuhan dan maklumat mengenai keadaan dan pencapaian Universiti Utara Malaysia setakat ini. Rombongan delegasi ini turut di bawa melawat kawasan sekitar kampus UUM dan lawatan ke Perpustakaan Sultanah Bahiyah menaiki trem.

Satu sesi perjumpaan singkat dan makan tengahari antara Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UUM, Prof. Dr. Ayoib bin Che Ahmad dan delegasi dari UPM turut diatur pada jam 1.00 petang sehingga 2.00 petang bertempat di Managers Coffee. Majlis diakhiri dengan menandatangani *Letter of Intent* (LoI) di antara UPM dan UUM sebagai pemulaan kerjasama di antara dua universiti tersebut. Selepas sesi pertemuan ini, delegasi ini kemudian bertolak ke Pulau Pinang sebelum pulang ke Indonesia pada keesokan harinya.

Ghazali Shafie Graduate School of Government

UUM COLGIS | Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |
Tel: +6049287751 | Fax: +6049287799 | Email: gsgsg@uum.edu.my
Website : gsgsg.uum.edu.my | Facebook : Ghazali Shafie Graduate School of Government



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.